

Gadis 19 tahun panik, buang anak baru lahir dari tingkat dua flat

Bayi dicampak masuk longkang

Oleh ATIKAH DALI
dan NOR AZIRAN YUNUS
aziran.yunus@kosmo.com.my

SELAYANG - Bayi sendiri diperlakukan bagaikan sampah apabila seorang gadis berusia 19 tahun tergamak mencampak bayi yang baru dilahirkan ke dalam longkang dari tingkat dua Flat Taman Selayang Segar 2, Selayang Baru di sini semalam.

Mayat bayi perempuan malang itu ditemui oleh seorang lelaki pada pukul 7 pagi yang kebetulan melalui kawasan itu.

Ibu bayi itu yang mendakwa panik sebaik melahirkan anak di dalam tandas bertindak mencampak bayinya ke dalam longkang menerusi tingkap.

Ketika ditemui, bayi yang dalam keadaan bogel dan mempunyai kesan cedera di kepala itu berada dalam keadaan tertiarap di dalam longkang berkenaan.

Bayi yang cukup sifat itu di-



GADIS yang disyaki mencampak anaknya ke dalam longkang.

Suspek mendakwa bayi terbabit sudah tidak bernyawa menyebabkan dia membuangnya ke dalam longkang

ABDUL RAHIM ABDULLAH



KEADAAN mayat bayi yang ditemui dalam longkang.

percaya baru dilahirkan kerana masih mempunyai tali pusat.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah berkata, susulan penemuan mayat bayi dalam keadaan menyayat hati itu, polis menahan seorang gadis berusia 19 tahun yang tinggal di flat tersebut.

Menurut beliau, gadis itu belum berkahwin dan polis mengesyaki dia mengandungi angka hubungan sulit dengan teman lelaki.

"Suspek yang bekerja sebagai pelayan restoran itu mengaku melahirkan bayi berkenaan di dalam

tandas rumahnya pada pukul 4 pagi ini (semalam).

"Suspek mendakwa ketika dilahirkan, bayi terbabit sudah tidak bernyawa menyebabkan dia membuang anaknya itu ke dalam longkang," katanya ketika dihubungi di sini semalam.


Difahamkan, suspek mencampak anaknya dari tingkap di sebuah bilik di rumah sewanya di tingkat dua.

Suspek mendakwa dia bertindak demikian bagi mengelak perkara itu diketahui oleh rakan serumahanya.

Menurut Abdul Rahim, penahanan gadis itu dibuat selepas polis menemui tompokan darah di dalam rumah yang didiami mangsa.

Suspek menyewa sebuah unit di tingkat dua flat empat tingkat itu bersama lapan lagi rakannya termasuk empat wanita warga Indonesia.

Jelas beliau, kesemua rakan se-



ANAK panah menunjukkan lokasi bayi itu dicampak dari tingkat dua Flat Taman Selayang Segar 2, Selayang Baru sebelum jatuh ke dalam longkang semalam.

rumah suspek tidak menyedari kejadian itu sehingga rumah tersebut didatangi polis.

Gadis itu didakwa menguruskan sendiri kelahiran anaknya dengan urinya dibuang ke dalam lubang tandas.

Gadis itu akan ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung penemuan mayat bayi itu.

Mayat bayi itu pula dihantar ke Hospital Selayang untuk bedah siasat.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan iaitu menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat.



KERATAN muka depan Kosmo! semalam.